

## Pelaksanaan Wasiat Sebagai Medium Menentukan Kecemerlangan dan Kejatuhan Kerajaan Samudera Pasai dalam Hikayat Raja Pasai

Implementation of Will as Medium to Determine the Excellence and Fallen Kingdom of Samudera Pasai in *Hikayat Raja Pasai*

ABDUL RAHMAN IDRIS, SALMAH JAN NOOR MUHAMMAD, ZARIAT ABDUL RANI & NIK RAFIDAH NIK MUHAMAD AFFENDI

### *ABSTRAK*

*Hikayat Raja Pasai* (seterusnya *HRP*) mempunyai pengaruh Islam yang begitu menonjol kerana pemerintahnya beragama Islam malah pengarangnya juga beragama Islam. Melalui pengaruh Islam dalam *HRP*, maka penulis akan memperincikan wasiat-wasiat yang diketengahkan oleh pengarang dan kesannya terhadap ketaatan dan keengganannya melaksanakannya. Kajian ini dilakukan kerana sehingga kini hampir tiada kedapatan kajian lalu yang mengkaji secara terperinci tentang peranan wasiat. Setakat ini cuma terdapat segelintir pengkaji yang menyentuh tentang wasiat. Harun Mat Piah sebagai contoh, memfokuskan kepada kesan pelanggaran wasiat. Ali Ahmad pula memfokuskan kepada perkembangan plot dan mengaitkannya dengan wasiat. Kamaruddin Hussein menekankan maksud wasiat dan waadat serta kesan terhadap pelanggaran wasiat. Nawawee Mohammad menulis tentang isu wasiat daripada seorang raja kepada seorang dan kesan daripada pelanggaran wasiat. Jamsari Mokhtar memfokuskan wasiat dari matra ketamadunan pemikiran Melayu dan kesannya terhadap pelanggaran wasiat. Maka melalui kelompongan ini, penulis menulis kajian ini dengan meletakkan dua objektif, iaitu menganalisis wasiat dalam *HRP* dan menghuraikan wasiat sebagai medium yang menentukan kecemerlangan dan kejatuhan kerajaan Samudera Pasai. Penulis menggunakan kaedah kajian kepustakaan kerana kajian ini berdasarkan teks Russell Jones pada tahun 1999 yang diterbitkan oleh Yayasan Karyawan dan Penerbit Fajar Bakti. Hasil dapatan kajian menunjukkan terdapat 10 wasiat dalam *HRP*. Pemerintah yang taat kepada wasiat menunjukkan negaranya maju dan kuat serta mampu mengalahkan kerajaan yang hebat, iaitu kerajaan Siam. Kezaliman Sultan Ahmad ke atas keluarganya sendiri dan ketidaktaatannya terhadap wasiat ayahandanya, iaitu Sultan Malikul Mahmud menyebabkan kerajaannya jatuh kepada Majapahit.

Kata kunci: Wasiat; *Hikayat Raja Pasai*; Islam; pengaruh Islam; Samudera Pasai

### *ABSTRACT*

'The *Hikayat Raja Pasai* (*The Story of Pasai King*)' has a prominent Islamic influence, as he was known as the superiors are Muslims besides the author who is also a Muslim. Through Islamic influence in *HRP*, the author particularises the wills presented by the book author and its effect on the obedience and reluctance to fulfil the wills. This study was conducted due to the limited research found with regard to roles of will in the past. Harun Mat Piah for instance, focuses more on the impact of a will. Ali Ahmad focuses on the development of the plot and associating it with a will. Meanwhile, Kamaruddin Hussein emphasizes the purpose of the will and the impression imposed towards the will. On the other hand, Nawawee Mohammad writes about a will from a king and the consequences towards others. Jamsari Mokhtar focuses on the will of the Malay civilization of the Malay thought and its impact on the will of the will. Drawing to these reviews, this study formulated two objectives that seek to analyse the will in *HRP* and elaborating it as a medium in determining the rise and fall of Samudera Pasai kingdom. The study employs library research method by referring to the Russell Jones's texts in 1999 published by the Yayasan Karyawan and Publisher Fajar Bakti. The findings show that there are total of 10 wills elicited by the sultan in *HRP*. The findings also revealed that good governance exercised by the kingdom lead to a strong government that finally defeated one of their strong enemy, the Siam government whereas disobedience to sultanate's will lead to government fall over Majapahit.

Keywords: Will; *Hikayat Raja Pasai*; Islam; Islamic influence; Ocean Pasai

## PENGENALAN

Karya-karya yang terhasil di istana memperlihatkan ciri-ciri yang umum dan dapat digolongkan kepada satu jenis karya yang tersendiri. Karya-karya ini jika dipandang daripada sudut bentuk, pemilihan bahan dan olahannya merupakan hasil kreatif tertinggi penulis-penulis peribumi kerana di istana-istana inilah tempat berkumpulnya para cendekiawan Melayu di zaman tradisi. Hasil karya yang terhasil di istana-istana ini dijeniskan sebagai sastera sejarah (Ali Ahmad 1987 :7).

Sastera sejarah sering kali memakai judul pemulaannya seperti hikayat, silsilah, salasilah dan tawarih. Contohnya, *Hikayat Raja-raja Pasai, Silsilah Melayu dan Bugis, dan Tawarih Salasilah negeri Kedah*. Adakalanya bahasa Arab digunakan sebagai judul seperti *Tuhfat Al-Nafis* (Ismail Hamid 1988: 98). Sastera sejarah merupakan penulisan masyarakat Melayu yang bercorak seni. Ia mengisahkan jurai keturunan raja-raja pada sebuah negara kota. Karya-karya sastera sejarah ini tidak dapat dianggap sebagai hasil penulisan sejarah sebenar kerana padanya terdapat juga unsur-unsur khayalan atau dongeng dan puisi yang indah kerana itulah ia lebih sesuai disebut sebagai hasil sastera sejarah (Hashim Awang et al. 1985: 43). Lanjutan daripada penyataan-penyataan di atas dapatlah disimpulkan bahawa karya-karya sastera sejarah mampu menjadi dokumen penting untuk mengungkap peristiwa silam, susunan masyarakat, kepercayaan, politik, sejarah negara kota dan sebagainya tentang sesuatu masyarakat itu. Lantaran itulah maka *Hikayat Raja Pasai (HRP)* yang merupakan salah satu daripada karya-karya sastera sejarah dalam bentuk prosa dipilih untuk dianalisis teksnya untuk mengungkap peranan wasiat yang terdapat dalam karya tersebut.

*Hikayat Raja Pasai* (seterusnya *HRP*) merupakan karya historiografi Melayu yang tertua sekali. Persoalan yang menarik di sini ialah bagaimanakah pengaruh Islam boleh terdapat dalam *HRP* ini sedangkan *HRP* merupakan karya historiografi Melayu yang tertua sekali. Pengaruh Islam perlu dilihat dalam *HRP* kerana daripada pengaruh Islam inilah, maka munculnya wasiat-wasiat yang diperturunkan daripada seorang raja kepada para pengantinya. Wasiat-wasiat ini dapat dicungkil apabila diteliti sepenuhnya isi-isi yang terdapat dalam *HRP*. Sejarah kedatangan Islam di alam Melayu akan diimbaukan untuk melihat keterlibatan pengaruh Islam dalam *HRP*. Terdapat pelbagai teori

kedatangan yang telah dikemukakan oleh ahli sejarah tetapi kebanyakannya bersetuju bahawa agama Islam mula bertapak di alam Melayu selepas abad ke-7 Masihi.

Bagi Liaw Yock Fang (1978: 124) penemuan batu nisan seorang wanita Islam yang bernama Fatimah binti Maimun ibnu Hibatullah pada tahun 1802 menunjukkan bahawa agama Islam telah tersebar di alam Melayu pada abad ke-11 Masihi. Ismail Hamid (1988: 98) pula menyandarkan pernyataan beliau kepada laporan sejarah yang terdapat di China untuk membuktikan bahawa agama Islam mula bertapak sejak abad ke-10 lagi. Hal ini jelas seperti dalam petikan berikut:

“terdapat satu laporan sejarah negeri China pada 977 Masihi, seorang utusan beragama Islam bernama Pu Ali (Abu Ali) telah mengunjungi negeri China bagi mewakili sebuah negeri di alam Melayu. Ini telah menunjukkan bahawa agama Islam telah bertapak di alam Melayu semenjak abad ke-10 lagi.”

Dalam zaman kerajaan Samudera-Pasai inilah wujudnya usaha perdagangan dan perkembangan agama Islam serta kebudayaannya. Pada zaman Sultan Malikul Salleh inilah pengaruh penyebaran Islam mula terserlah dengan penerimaan Islam hampir keseluruhan penduduk tempatan. Pada zaman Samudera-Pasai ini lahir pelbagai hasil-hasil karya kesusasteraan bercorak Islam antaranya *Hikayat Raja Pasai* yang mengisahkan zaman awal kerajaan Melayu Pasai, kemasukan Islam di Pasai dan zaman kegemilangan kerajaan Melayu Pasai yang akhirnya berakhir di tangan Majapahit.

Jadi terjawablah kepada kita bahawa terdapatnya pengaruh Islam yang begitu menonjol dalam *HRP* ini kerana pemerintahnya beragama Islam. Maka tidak hairanlah kalau penulis *HRP* ini juga beragama Islam. Justeru itu, sudah pasti terdapatnya pengaruh Islam dalam *HRP*. Melalui pengaruh Islam yang terdapat dalam *HRP* inilah maka penulis akan melihat secara terperinci tentang kemunculan wasiat-wasiat yang cuba diketengahkan oleh pengarang dalam karya beliau serta kesan daripada ketaatan dan keengganan melaksanakannya.

## KAJIAN LITERATUR

Pengkaji-pengkaji barat mula melakukan kajian ke atas *Hikayat Raja Pasai* dengan menerbitkan teks hikayat ini dalam bahasa mereka. Edisi yang pertama telah dilakukan oleh Edouard Dularier pada tahun 1849 dan diterbitkan di Paris pada tahun 1999 setelah itu teks ini diterjemahkan ke dalam bahasa Perancis

dengan tajuk *Histoire Des Rois De Pasey* oleh Aristide Marre pada tahun 1874. Kajian beliau hanya terhadap penulisan teks *Hikayat Raja Pasai* sahaja. Edisi yang kedua diterbitkan oleh J. P. Mead pada tahun 1914 di Singapura (Russell Jones 1999: ix). Beliau hanya menyentuh tentang *Hikayat Raja Pasai* sahaja. Edisi yang ketiga telah disediakan oleh Hill, A.H. telah diterbitkan pada tahun 1960 dalam jilid 33 bahagian 2 JMBRAS. Beliau telah menghuraikan tentang *Hikayat Raja Pasai* daripada sudut gaya sastera Melayu yang terdapat dalam *Hikayat Raja Pasai* adalah gaya yang tersendiri yang kemudiannya menjadi ikutan kepada hasil-hasil karya yang lain (Russell Jones 1999: ix). Edisi yang keempat telah diterbitkan secara sendirian oleh Teuku Ibrahim Alpian dengan judul *Kronika Pasai, Sebuah Tinjauan Sejarah* pada tahun 1973 (Russell Jones 1999: ix). Edisi yang kelima diusahakan oleh Russell Jones dan diterbitkan pada tahun 1987 oleh Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd. Beliau hanya menyentuh tentang sejarah penulisan teks *Hikayat Raja Pasai* dan teks *Hikayat Raja Pasai* dengan berpandukan manuskrip daripada Royal Asiatic Society yang dibawa pulang oleh Stamford Raffles pada tahun 1816 ke England kemudian diserahkan oleh isteri Raffles pada tahun 1830 selepas kematian beliau.

Kajian tentang wasiat yang terdapat dalam *HRP* hanya dilakukan oleh sebilangan kecil para pengkaji dari timur, itu pun secara sampingan sahaja seperti yang ditulis Kamarudin Hj. Husin (1992: 32-39). Beliau telah mengkaji unsur waadat dan wasiat dalam *Sejarah Melayu*. Beliau melihat waadat daripada maksud perjanjian, wasiat pula bermaksud pusaka, yang ghaib. Terdapat seorang lagi penulis dari Universiti Malaya yang membuat kajian terhadap *Hikayat Raja Pasai* iaitu Jamsari bin Mokhtar pada tahun 1998 (30-36). Beliau melihat *Hikayat Raja Pasai* daripada sudut pemikiran tamadun Melayu. Seterusnya beliau melihat penggunaan wasiat sebagai alat peneguhan perluasan tema pengislaman di Pasai. Beliau memetik wasiat pertama daripada Sultan Malikul Salleh kepada dua Perdana Menterinya. Kemudian wasiat itu diperkuuhkan dengan wasiat kedua Sultan Malikul Salleh kepada kedua-dua cucunya. Hal ini menunjukkan hubungan yang mesti dipatuhi oleh golongan pembesar dan juga kerabat diraja Pasai. Beliau telah memperincikan tujuan wasiat kepada pembesar dan juga kepada kerabat diraja dengan melihat wasiat merupakan unsur terpenting dalam agama Islam. Beliau juga menyentuh tentang implikasi daripada tindakan melanggar wasiat.

Beliau membahagikan implikasi pelanggaran wasiat kepada dua bentuk, iaitu implikasi dalaman dan implikasi luaran. Beliau seterusnya meletakkan kekalahan Pasai kerana keingkaran rajanya mengikut wasiat dan pelanggaran itu merupakan satu bala kepada Sultan Ahmad. Harun Mat Piah et al. (2006: 43-44) juga melihat *Hikayat Raja Pasai* daripada sudut wasiat yang menyebabkan pelanggaran wasiat oleh Sultan Ahmad menyebabkan Pasai jatuh ke tangan Majapahit. Beliau melihat wasiat sebagai medium yang memberi petunjuk atau peringatan kepada putera yang bakal menaiki takhta supaya berlaku adil dan akibat pelanggaran kepada wasiat. Pengkaji seterusnya yang mengkaji *HRP* tentang wasiat ialah Ali Ahmad. Ali Ahmad (1987: 40-46) menyatakan dengan jelas bahawa wasiat berperanan sebagai peneguhan atau perluasan tema penulisan *Hikayat Raja-Raja Pasai*. Beliau berpendapat pengarang mungkin ingin menyampaikan mesej betapa pentingnya satu-satu wasiat itu terhadap orang Melayu dengan menyatakannya dalam peristiwa-peristiwa sejarah dengan tujuan mengajar mereka tentang kebenaran.

Daripada kajian-kajian yang telah dilakukan oleh penulis-penulis tempatan dan barat tentang wasiat yang terdapat dalam *HRP* ini maka, penulis akan memperincikan secara mendalam tentang wasiat yang terdapat dalam *HRP* supaya wasiat-wasiat itu dapat diharkat dan ditonjolkan sepenuhnya terhadap kelangsungan pentadbiran kerajaan Samudera Pasai. Hal ini akhirnya menatihahkan manfaat kepada pengkaji-pengkaji pada masa hadapan dengan harapan kajian ini dapat menambahkan lagi khazanah kajian ke atas *HRP* sama ada kepada sarjana tempatan maupun sarjana barat.

## PERNYATAAN MASALAH

Berdasarkan kepada pengamatan terhadap kajian-kajian yang telah dilakukan oleh Harun Mat Piah et al. (2006), Ali Ahmad (1987), Kamaruddin Hussein (1992), Nawawee Mohammad (1993) dan Jamsari Mokhtar (1998) tentang wasiat dalam wasiat *HRP* sebagaimana yang telah dijelaskan di atas maka daripada kajian ini dapat membangkitkan beberapa permasalahan:

- 1) Tiadanya kajian yang secara komprehensif menganalisis wasiat-wasiat dalam *HRP*. Sehingga kini dan sebagaimana yang diperlihatkan di atas, kajian-kajian ilmiah sedia ada hanya menyentuh tentang wasiat secara umum tetapi lebih

memfokuskan dalam konteks perbincangan tentang topik-topik yang lain. Umpamanya kajian Harun Mat Piah et al. (2006), lebih memfokus kepada konsep pelanggaran wasiat yang akhirnya Pasai jatuh ke tangan Majapahit, begitu juga dalam kajian Kamarudin Hj. Husin, beliau lebih memfokuskan maksud wasiat dan kesan kepada pelanggaran wasiat oleh Sultan Ahmad. Ali Ahmad pula lebih berfokuskan kepada perkembangan plot cerita yang mengaitkannya dengan wasiat. Wasiat-wasiat itu diperjelaskan dalam perkembangan cerita dan akhirnya dikaitkan kejatuhan Pasai kepada Majapahit akibat pelanggaran wasiat oleh Sultan Ahmad. Bagi Nawawee Mohammad pula beliau lebih memfokuskan isu wasiat kepada watak-watak yang menurunkan wasiat dalam *HRP*, iaitu Sultan Malikul Saleh dan Sultan Malikul Tahir kepada anak Sultan Ahmad yang akhirnya jatuh Pasai ke tangan Majapahit akibat bala yang ditimpakan kepada Raja Ahmad kerana melanggar wasiat. Manakala bagi Jamsari Mokhtar pula beliau lebih berfokuskan wasiat daripada matra tamadun pemikiran Melayu yang mengupas wasiat daripada konsep tanggungjawab rakyat kepada pemerintah serta peranan raja sebagai payung rakyat. Beliau juga menyentuh tentang kesan pelanggaran wasiat secara dalaman dan luaran dengan mengaitkannya melalui peristiwa taubat dan kejatuhan Pasai ke tangan Majapahit. Hasil dapatan daripada pengkaji-pengkaji di atas adalah jelas menunjukkan bahawa soal wasiat dalam *HRP* sehingga kini belum lagi dianalisis secara terperinci. Dalam konteks ini, kajian ini berusaha untuk menghuraikan secara terperinci wasiat-wasiat yang terdapat dalam *Hikayat Raja-Raja Pasai*.

- 2) Lanjutan daripada perkara di atas, kajian-kajian sedia ada sehingga kini juga didapati masih belum menghuraikan secara terperinci wasiat-wasiat dalam *Hikayat Raja Pasai*, termasuklah menyatakan maksud yang terkandung dalam setiap wasiat. Justeru, kajian ini akan menjelaskan setiap maksud yang terkandung dalam setiap wasiat dalam *HRP*. Malah kesan daripada ketaatan mengikuti wasiat serta akibat pelanggaran wasiat akan diperjelaskan.

## KAEDAH KAJIAN

Kaedah kajian yang dipilih adalah kaedah kepustakaan. Penulis beranggapan bahawa untuk menggali segala persoalan tentang peranan wasiat yang terdapat dalam *HRP* maka sumber-sumber yang tersimpan di gedung-gedung perpustakaan dalam negara kita menjadi pilihan utama. Maka penulis akan mengumpul bahan-bahan bacaan terutamanya teks *HRP*. Bahan-bahan yang terkumpul akan dianalisis menggunakan kaedah mengenal pasti, menganalisis, menilai dan membuat kesimpulan. Mengenal pasti merupakan satu proses yang melibatkan bacaan bahan dengan mengenal pasti bahan tersebut sebagai bahan yang dikehendaki kerana bahan tersebut berkaitan dengan *HRP* dan konsep negara yang baik oleh Zulkifli Mohammad al-Bakri (2014), (seterusnya konsep negara yang baik al-Bakri). Zulkifli Mohammad al-Bakri (2014: 5-6) menjelaskan bahawa negara yang baik itu terhasil daripada pemerintahan yang baik. Maka negara tersebut diberi kemakmuran oleh Allah SWT lantaran pemerintah dan rakyatnya taat kepada perintah Allah SWT. Manakala sebuah kerajaan tidak akan dapat mencapai piawai pemerintahan yang baik jika amalan yang baik (*al-Ma'ruf*) dan penolakan terhadap amalan yang buruk (*al-Munkar*) tidak menjadi polisi umatnya. Menganalisis pula merupakan satu proses mengkategorikan bahan tersebut ke dalam tajuk utama iaitu bahan yang mengkaji wasiat dalam *HRP* dan kaitannya dengan konsep negara yang baik al-Bakri. Bahan yang menyentuh tentang sejarah *HRP* akan dimasukkan dalam sorotan literatur. Menilai pula merupakan satu tindakan mengurus bahan kajian untuk dipadankan bahan bacaan (wasiat) dengan konsep negara yang baik al-Bakri. Proses ini merupakan satu tindakan yang cukup penting kerana melibatkan hasil dapatan. Membuat kesimpulan bermaksud satu tindakan yang dilakukan untuk menghubungkaitkan wasiat dalam *HRP* dengan konsep negara yang baik al-Bakri berdasarkan objektif-objektif yang telah ditetapkan. Tindakan ini sangat penting kerana akan mempengaruhi hasil dapatan sepenuhnya. Maka proses ini merupakan satu tindakan yang cukup berhati-hati diperlukan.

## OBJEKTIF KAJIAN

Penulis telah menetapkan dua objektif untuk tujuan kajian ini, supaya kajian yang dilakukan tidak

tersasar daripada matlamat yang telah ditetapkan. Objektif-objektif tersebut adalah menganalisis wasiat dalam Hikayat Raja Pasai dan menghuraikan wasiat sebagai alat yang menentukan kecemerlangan dan kejatuhan kerajaan Samudera Pasai, iaitu melaksanakan wasiat akan memakmurkan negara manakala menidakkannya akan memusnahkan kerajaannya.

## ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Hasil daripada dapatan kajian menunjukkan dengan jelas bahawa wasiat-wasiat yang diperturunkan daripada seorang sultan kepada para pengganti menggambarkan kematiangan para sultan dalam menguasai ilmu Islam kerana setiap wasiat jika diperincikan mengarahkan kepada para pengganti melaksanakan pentadbiran mereka mengikut syariat Allah SWT. Maka akan lahirlah sebuah pemerintahan yang baik dalam negara tersebut. Daripada kajian ini dapatlah diperincikan wasiat-wasiat dalam *HRP* dan maksud wasiat-wasiat seperti daptan di bawah:

### WASIAH-WASIAH YANG TERDAPAT DALAM TEKS *HIKAYAT RAJA PASAI* BERDASARKAN TEKS RUSSELL JONES

#### WASIAH 1: WASIAH RASULULLAH SAW KEPADA PEMBESAR DI MEKAH

Maka diceriterakan oleh orang yang empunya ceritera. Sekali persetua pada zaman Nabi Muhammad (*Rasulullah Sallallahu Alaihi Wassalam*) tatkala lagi hayat hadirat yang maha mulia itu, maka bersabda ia kepada sahabat baginda di Mekah, demikian sabda baginda:

“Bawaha ada sepeninggalku wafat itu, ada sebuah negeri di bawah angin, Samudera namanya; apabila ada didengar khabar negeri itu, maka kamu suruh sebuah kapal membawa perkakas alat kerajaan dan kamu bawai orang dalam negeri itu masuk agama Islam serta mengucap dua kalimah syahadat. Syahadan lagi akan dijadikan Allah subhanahu wataala dalam negeri itu terbanyak daripada segala wali Allah jadi dalam negeri itu. Adapun pertama ada seorang fakir di negeri Menggiri namanya, iaitulah kamu bawa serta kamu ke negeri Samudera itu.”

(*HRP*: 12)

Hal ini menunjukkan bahawa pengarang cuba membawa pembaca kepada keistimewaan Merah Silau yang menunjukkan bahawa baginda

merupakan raja yang dilantik dalam pengetahuan Rasulullah sebelum baginda wafat lagi dengan meninggalkan wasiat itu kepada sahabat baginda di Mekah untuk mengislamkan Raja Merah Silau serta rakyatnya. Malah pelantikan Merah Silau itu sebagai raja di Samudera itu adalah dengan penuh adat istiadat Islam mengikut pesanan Rasulullah SAW melalui ulama yang tersohor dari Mekah, iaitu Syeikh Ismail.

Dalam wasiat tersebut juga mengandungi pesanan Rasulullah SAW agar membawa seorang fakir di negeri Menggiri, iaitu Sultan Muhammad daripada keturunan Saidina Abu Bakar al-Siddiq yang akhirnya menjadi dai dalam kerajaan Samudera kepada sekalian rakyat dan menjadi penasihat kepada Sultan Malikul Saleh dalam urusan pentadbiran negara.

#### WASIAH 2: WASIAH RASULULLAH SAW KEPADA MERAH SILAU

Merah Silau bermimpi berjumpa dengan Rasulullah SAW dan berkata kepadanya:

“Hai Merah Silau, engkaulah Sultan Malikul Saleh namamu, sekarang islamlah engkau dengan mengucap dua kalimah syahadat itu, dan segala binatang yang hidup lagi halal engkau sembelih maka kau makan, dan yang tiada disembelih jangan engkau makan... Sebermula dalam empat puluh hari lagi ada sebuah kapal datang dari Mekah; barang segala katanya dan barang segala perbuatannya yang berpututan dengan segala pekerjaan agama Islam orang yang dalam kapal itu janganlah engkau lalui, dan hendaklah engkau turut barang pengajarnya.”

(*HRP*: 13)

Daripada wasiat Nabi SAW maka terdapat 4 pesanan yang perlu dilaksanakan oleh Sultan Malikul Saleh, iaitu hanya memakan benda yang halal sahaja, tidak mengambil benda yang haram, melaksanakan apa yang bertepatan dengan ajaran Islam dan meninggalkan apa sahaja yang ditegah oleh Allah SWT dengan berpandukan apa yang ditunjukkan oleh Syeikh Ismail dan Fakir (Sultan Muhammad) Raja Menggiri yang bertindak sebagai dai di Pasai demi memantapkan proses penghayatan Islam di Pasai.

#### WASIAH 3: WASIAH SULTAN MALIKUL SALEH UNTUK RAKYAT JELATA

Hatta maka beberapa lamanya antara maka Sultan Malikul Saleh pun sakitlah. Maka baginda pun menghimpunkan segala menteri hulubalang dan

segala orang besar-besar dalam negeri itu dan segala rakyat besar kecil akan menabalkan Sultan Malikul Mansur; maka berhimpunlah sekalian mereka itu menghadap Sultan, maka titah Sultan:

“Hai segala kamu sekalian menteri dan hulubalangku dan segala rakyat bala tenteraku, bahawa aku hendak merajakan Sultan Malikul Mansur ini karna aku hampirlah rasanya akan meninggalkan negeri yang fana ini kembali ke negeri yang baka itu. Apa bicara kamu sekalian, suakah atau tidakkah?” Maka berdatang sembahlah sekalian mereka itu, “Ya tuanku Syah Alam, sebenarnya seperti sabda Syah Alam yang maha mulia itu, karna Sultan Malikul Mansur pun besarlah sahaja seharusnya kami sekalian menyembah cucunda Sultan Mansur.” Maka titah baginda, “Jika demikian tabalkanlah oleh segala menteri dan hulubalang dan segala orang besar-besar akan baginda itu dalam negeri Samudera ini.”

(HRP: 24)

Daripada petikan ini dapatlah dijelaskan bahawa baginda Sultan berwasiat ingin menabalkan cucunda baginda sebagai sultan menggantikan baginda. Tindakan baginda merupakan satu tindakan yang bijaksana kerana bertanyakan terlebih dahulu kepada para pembesar dan sekalian hulubalang serta rakyat jelata. Apabila dipersetujui oleh sekalian pembesar, hulubalang dan rakyat maka disuruhlah oleh baginda untuk melantik cucunda baginda iaitu Sultan Malikul Mansur sebagai raja menggantikan baginda. Malah tindakan baginda Sultan ingin menabalkan anakanda baginda sebagai sultan menggantikan baginda merupakan satu tindakan yang mencerminkan sifat muafakat baginda dalam urus tadbir negara.

#### WASIAH 4: WASIAH SULTAN MALIKUL SALEH UNTUK PEMBESAR

Maka ada sekira tiga sehari sudah tabal itu, maka Sultan Malikul Saleh pun berwasiat kepada Sayid Semayamuddin dan Sayid Ali Ghiatyuddin, seperti petikan di bawah:

“Hai Perdana Menteri kedua, baik-baik kamu kedua ini memeliharkan cucuku kedua ini insya-Allah taala jangan kamu beri bersalahan ia dua bersaudara serta kamu kedua ajari; hendaklah jangan kamu kedua mengubahkan setia kamu akan cucuku kedua dan jangan kamu menyembah segala raja-raja yang lain daripada cucuku; hubaya-hubaya jangan kamu beri teranaya daripada segala hamba Allah dan jangan kamu mengerjakan segala pekerjaan yang bersalahan dengan hukum Allah, karna firman Allah taala dalam Quran demikian erti: Barang siapa tiada menghukumkan dengan barang hukum yang diturunkan Allah, maka bahawa sanya mereka itu jadi kafir.”

(HRP: 25)

Daripada wasiat sultan Malikul Saleh ini jelas menunjukkan kepada kita bahawa terdapat sekurang-kurangnya enam pesanan baginda kepada para pembesar khususnya kepada Memanda Menteri, iaitu Sayid Semayamuddin dan Sayid Ali Ghiatyuddin agar menunaikan segala pesanan baginda, iaitu mengajari anak-anak baginda supaya dapat menjadi pemerintah yang adil, berusaha dengan bersungguh-sungguh agar kedua-dua adik beradik ini tidak bergaduh yang menyebabkan terjadinya perang saudara, jangan sekali-kali derhaka kepada sultan, jangan menyokong kerajaan yang lain (jangan jadi pembelot), jangan berlaku zalim kepada sekalian hamba rakyat dan jangan sekali-kali melakukan sebarang tindakan atau perbuatan yang bertentangan dengan hukum Allah SWT kerana dengan perbuatan tersebut menyebabkan mereka terkeluar daripada Islam (kafir).

#### WASIAH 5: WASIAH SULTAN MALIKUL SALEH UNTUK KEDUA-DUA CUCUNYA

Maka disuruh oleh Sultan panggil kedua cucunda baginda itu, setelah datanglah kedua raja itu, maka Paduka Seri Sultan pun bersabdalah kepada cucunda kedua itu dan kepada sekalian menteri, hulubalang dan kepada segala orang besar-besar sekalian, demikian sabda baginda:

“Hai cucuku kedua, ketahui oleh kamu kedua kerana aku ini sakit sangat, rasanya hampirlah hukum Allah taala akan daku berpindah daripada negeri yang fana ke negeri yang baka itu: adapun meninggalku, ini baik-baik kamu kedua memeliharkan pekerjaan [al-Jamr bi'l ma'ruf wa ['l]-nahy 'an il-munkar. Jangan kamu banyak tamak akan arta dunia, karna dunia ini tempat segala yang maghrur dan jangan sangat kamu ingin akan segala yang tiada memberi manfaat akan kamu di akhirat, dan jangan kamu tiada muafakat dua bersaudara daripada segala pekerjaan kamu; Jangan sekali-kali bersalahan antara kamu kedua bersaudara supaya dikararkan Allah taala engkau kedua dalam kerajaan dan supaya diperkenankan Allah segala pinta kamu daripada segala yang kebijakan dan jangan kamu melalui seperti barang yang dititahkan Allah akan kamu dan jangan kamu takdir pada mengerjakan pekerjaan yang kebijakan dan meninggalkan pekerjaan yang kejahatan dan menyuruhkan segala orang berbuat kebijakan dan melarangkan segala orang berbuat kejahatan serta dengan adil kamu kedua bersaudara akan segala rakyat kamu itu. Hubaya-hubaya jangan tiada engkau turut wasiatku ini hai cucuku kedua.”

(HRP: 25)

Pesan yang pertama ialah *jangan kamu banyak tamak akan arta dunia* bermaksud hendaklah cucunda baginda supaya tidak hidup dalam kemewahan sehingga menjadikan sifat mencintai

dunia melebihi cinta akhirat sedang tujuan utama hidup di dunia ini ialah mencari reda Allah SWT untuk mendapat kebahagiaan di akhirat.

Pesanan yang kedua ialah *jangan sangat kamu ingin akan segala yang tiada memberi manfaat akan kamu di akhirat* bermaksud setiap pemimpin itu mestilah mempunyai rasa tanggungjawab yang tinggi terhadap negara, tanah air, rakyat dan agamanya. Mereka bukannya manusia yang mementingkan diri sendiri, iaitu mementingkan urusan peribadi sehinggaikan kebijakan rakyat terabai.

Pesanan yang ketiga ialah *jangan kamu tiada muafakat dua bersaudara daripada segala pekerjaan kamu* yang membawa maksud bahawa mereka disuruh oleh baginda sultan supaya sentiasa bekerjasama (bermusyawarah) dalam melaksanakan sesuatu pekerjaan

Pesanan yang keempat ialah *jangan sekali-kali bersalah antara kamu kedua bersaudara supaya dikararkan Allah taala engkau kedua dalam kerajaan dan supaya diperkenankan Allah segala pinta kamu daripada segala yang kebijakan bermaksud jangan sekali-kali cucunda baginda bertengkar atau bergaduh sesama sendiri yang akhirnya terjadinya perang saudara antara mereka kerana apabila terjadinya perang saudara tiada sesiapa pun mendapat faedah, bak kata peribahasa Melayu “Yang menang jadi arang, Yang kalah jadi abu”. Maka hendaklah mereka mengamalkan sifat saling bermaaf-maafan.*

Pesanan yang kelima ialah *jangan kamu melalui seperti barang yang dititahkan Allah akan kamu bermaksud jangan sekali-kali cucunda baginda mengingkari ajaran al-Quran kerana setiap arahan Allah SWT sama ada berupa suruhan ataupun larangan menjadi kewajipan setiap manusia terutama kaum Muslimin untuk mengikutinya tanpa sebarang syak wasangka. Apabila melanggar arahan Allah SWT secara sengaja dan dalam keadaan mengetahui maka menjadi fasik orang tersebut. Justeru sebagai pemerintah hendaklah sentiasa mentadbir mengikut syariat Allah SWT sepanjang masa.*

Pesanan yang keenam ialah *jangan kamu taksir pada mengerjakan pekerjaan yang kebijakan dan meninggalkan pekerjaan yang kejahatan* bermaksud untuk melakukan sebarang kebaikan serta untuk meninggalkan sebarang perbuatan yang jahat tidak memerlukan kita berfikir panjang. Maka setiap tindakan yang dilaksanakan itu mestilah secara bijaksana dan berhikmah.

Pesanan yang ketujuh ialah *menyuruhkan segala orang berbuat kebijakan dan melarangkan*

*segala orang berbuat kejahatan bermaksud sebagai seorang pemerintah, para cucunya hendaklah menyuruh sekalian rakyat melakukan kebaikan dan meninggalkan maksiat selepas berpesan kepada para cucunya melaksanakan suruhan Allah SWT.*

Pesanan yang kelapan merupakan pesanan terakhir ialah *dengan adil kamu kedua bersaudara akan segala rakyat kamu itu bermaksud menghukum rakyat dengan menggunakan hukum Allah SWT dan bukannya menggunakan hukum jahiliah serta mengikut hawa nafsu. Sultan Malikul Saleh berkehendakkan para cucunya menjadi seorang pemimpin yang adil dengan menghukum sekalian rakyat berpandukan syariat Allah SWT.*

#### WASIAT 6: WASIAT SULTAN MALIKUL MAHMUD KEPADA SULTAN AHMAD

Hatta beberapa lamanya Sultan Ahmad dalam kerajaan, maka Sultan Malikul Mahmud pun sakitlah hampir akan pulang dari negeri yang fana ke negeri yang baka. Maka Sultan Malikul Mahmud pun berwasiat kepada Sultan Ahmad, demikian bunyinya:

“Hai anakku, cahaya mataku dan buah hatiku, baik-baik engkau memelihara dalam kerajaanmu ini akan segala pekerjaan amar Allah dan amar Rasulullah dan menegahkan segala larangan keduanya, dan jangan kau lalui seperti firman Allah taala dan seperti sabda Nabi Muhammad Rasulullah (sallallahu alaihi wassalam). Hai anakku, jangan tiada engkau turut seperti pesanku ini; dan jika pada sesuatu pekerjaan hendaklah engkau mesyuarat dengan segala menterimu yang tuha-tuha dan jangan segera engkau berbuat sesuatu pekerjaan hingga baiklah mesyuaratmu dengan segala menteri hulubalangmu, maka engkau kerjakan. Dan perbanyak olehmu sabarmu pada segala pekerjaan yang tiada patut pada syarak dan jangan engkau meniayai dan membinasakan segala hamba Allah taala tiada dengan sebenarnya, dan jangan engkau melalui [al-Jamr bi'l ma'ruf wa ['Ij-nahy 'an il-munkar hai anakku, karna dunia ini negeri yang fana tiada akan kekal adanya, dan akhirat juga negeri yang baka; hai anakku hubaya jangan tiada kau turut wasiatku ini.”

(HRP: 35)

Jika wasiat ini diperincikan maka terdapat enam pesanan yang mesti diikuti oleh Sultan Ahmad. Pesanan yang pertama ialah *baik-baik engkau memelihara dalam kerajaanmu ini akan segala pekerjaan amar Allah dan amar Rasulullah dan menegahkan segala larangan keduanya* bermaksud menyuruh anakanda menjadi seorang pemerintah yang menjadikan syariat Allah SWT sebagai kaedah untuk mentadbir negara.

Pesanan yang kedua ialah *jangan kau lalui seperti firman Allah taala dan seperti sabda Nabi Muhammad Rasulullah (sallallahu alaihi wassalam)* bermaksud Sultan Malikul Mahmud berpesan kepada Sultan Ahmad supaya tidak melakukan kezaliman kepada rakyat terutamanya kepada kaum kerabat sendiri serta jangan sekali-kali membiarkan rakyat bertelingkah sesama sendiri sehingga terjadinya perang saudara yang menyebabkan kemusnahan kepada kedua-dua pihak seperti kata peribahasa Melayu “*yang menang jadi arang, yang kalah jadi abu*”.

Pesanan yang ketiga ialah *jika pada sesuatu pekerjaan hendaklah engkau mesyuarat dengan segala menterimu yang tuha-tuha dan jangan segera engkau berbuat sesuatu pekerjaan hingga baiklah mesyuaratmu dengan segala menteri hulubalangmu, maka engkau kerjakan bermaksud bahawa mereka* (Sultan Ahmad dan para pembesar) disuruh oleh baginda sultan supaya sentiasa bekerjasama (bermusyawarah) dalam melaksanakan sesuatu pekerjaan.

Pesanan yang keempat ialah *dan perbanyak olehmu sabarmu pada segala pekerjaan yang tiada patut pada syarak bermaksud Sultan Malikul Mahmud berpesan kepada Sultan Ahmad supaya menjadi manusia yang pemaaf agar setiap detik gerak saraf merupakan denyut nadi manusia yang beriman.*

Pesanan yang kelima ialah *jangan engkau meniayai dan membinasakan segala hamba Allah taala tiada dengan sebenarnya bermaksud Sultan Malikul Mahmud menyuruh Sultan Ahmad melaksanakan hukuman berpandukan al-Quran, iaitu mestilah menghukum rakyat dengan berpandukan hukum Allah SWT.*

Pesanan yang terakhir ialah *dan jangan engkau melalui [al-Jamr bi'l ma'ruf wa ['l]-nahy 'an il-munkar bermaksud menyuruh Sultan Ahmad supaya tidak melakukan perbuatan yang bertentangan dengan suruhan dan larangan Allah SWT, iaitu tidak sekali-kali perbuatannya itu bertentangan dengan hukum syarak, iaitu tidak melaksanakan sesuatu tindakan yang tidak disukainya ke atas rakyatnya.*

#### WASIAH 7: WASIAH TUN BERAIM BAPA KEPADA RAKYAT

Maka Tun Beraim Bapa pun naiklah baginda bertangis-tangisan dengan segala isi rumahnya. Setelah itu, maka lalulah ia ke pekan, maka baginda berdiri di pintu, maka kata Tun Beraim Bapa:

“Ayuh segala kamu orang pekan, tiadalah siapa meruah kamu lagi dan bersenda gurau dengan tuan-tuan sekalian karna aku ini hendak mengiringkan Sultan ke hulu sungai, lalu ke Bukit Fudul Allah, entah kembali entah tiada. Diamlah tuan-tuan sekalian, karna si Beraim Bapa sekali-kali tiada ia mau derhaka, jika lau si Beraim Bapa mau derhaka jika Pasai se-Pasainya, jika Jawa se-Jawanya, jika Cina se-Cinanya, jika Siam se-Siamnya, jika Keling se-Kelingnya tiada dapat melawan si Beraim Bapa. Jika tiada aku kerajaan di dunia ini di akhirat pun aku peroleh juga.”

(HRP: 50)

Jika wasiat ini diperincikan maka terdapat pesanan yang mesti diikuti oleh rakyat Tukas supaya jangan sekali-kali menderhaka kepada Sultan Ahmad dengan mengamalkan sifat pemaaf sepertinya. Maka tidak hairanlah bertapa tingginya harapan Tun Beraim Bapa terhadap para rakyatnya agar wujud dalam diri mereka sifat pemaaf yang akhirnya setiap persengketaan dapat dihindari.

#### WASIAH 8: WASIAH TUN BERAIM BAPA KEPADA PEMBESAR

Maka Bermamat Pantai dan Medana Pantai pun pergila kepadatun Beraim Bapa itu. Setelah itu, maka Tun Beraim Bapa pun turunlah serta membawa kedua saudaranya itu, lalu ia berjalanlah dari pekan. Maka sabda Tun Beraim Bapa:

“Ayuh segala tuan-tuan orang pekan, tinggallah tuan-tuan sekalian. Bahawa aku mudiklah mengiringkan Sultan ke hulu sungai ke Bukit Fudul Allah entah kembali entah tiada...”

(HRP: 51)

Maka baginda pun bersabda kepada sekalian hulubalangnya,

“Ayuh segala tuan-tuan handai taulanku, dengan siapa lagi tuan-tuan bersenda bergurau, karna hamba hendak ke hulu sungai ini ke Bukit Fudul Allah, entah kembali entah tiada hamba lagi... Maka sabda Tun Beraim Bapa “Ayuh segala handai taulanku, diamlah kamu sekalian, karna hamba tiada mau derhaka,... “Diamlah kamu, jika tiada aku kerajaan di dunia insya-Allah taala aku kerajaan di akhirat nescaya ku peroleh juga.”

(HRP: 51)

Jika wasiat ini diperincikan maka terdapat pesanan yang mesti diikuti oleh pembesar-pembesar Tukas supaya jangan sekali-kali menderhaka kepada Sultan Ahmad dengan mengamalkan sifat pemaaf sepertinya. Pesanan ini amatlah patut menjadi pakaian akhlak semua pemerintah terutama orang gagah seperti Tun Beraim Bapa ini.

#### WASIAH 9: WASIAH TUN BERAIM BAPA UNTUK TANAH KUBURNYA(MALIKAKASAN)

Maka diambil lembingnya, lalu dilontarkannya. Maka katanya:

“Hai mamaku, Malik Akasan, jika si Beraim Bapa mau derhaka, jika Pasai se-Pasainya, jika Siam se-Siamnya, jika Keling se-Kelingnya, tiada mau melawan si Beraim Bapa karna sekali-kali si Beraim Bapa tiada mau derhaka. Hai mamaku, Malik Akasan di mana tempat lembing hamba itu jatuh, di sanalah hamba tanamkan.” Maka lembing itupun jatuhlah ke Bukit Fudul Allah. Maka seketika lagi Tun Beraim Bapa pun ke rahmatullahtaala.”

(HRP: 59)

Jika wasiat ini diperincikan maka terdapat pesanan yang mesti diikuti oleh Malik Akasan supaya jangan sekali-kali menderhaka kepada Sultan Ahmad dengan mengamalkan sifat pemaaf sepertinya serta kebumikan baginda mengikut wasiat baginda itu. Maka tidak hairan betapa tingginya harapan Tun Beraim Bapa terhadap Malik Akasan agar wujud dalam dirinya sifat pemaaf seperti baginda yang akhirnya setiap persengketaan dapat dihindari.

#### WASIAH 10: WASIAH TUAN PUTERI GEMERENCANG KEPADA PENGIRINGNYA

Maka dipersembahkannya oranglah kepada tuan puteri Gemerencang segala kata orang pengail itu... Maka kata Tuan Puteri:

“Hai segala tuan-tuan hulubalangku dan segala rakyatku, kembalilah kamu sekalian ke benua Jawa kepada ayah bondaku, dan jika lau ada salah bebalku melainkan minta ampunlah aku ke bawah ayah bondaku beribu-ribu ampun, dan kamu ceritakanlah kepada ayah bondaku seperti yang kamu dengar dan yang kamu lihat.”

(HRP: 64)

Wasiat Tuan Puteri Gemerencang ini bermaksud menyuruh setiap pemimpin mestilah mempunyai sifat pemaaf terutamanya terhadap anaknya sendiri seperti Tuan Puteri Gemerencang yang memohon maaf atas perbuatannya untuk bersama-sama Tun Abdul Jalil di dalam laut Jambu Air dengan cara tenggelam bersama-sama kapalnya.

Wasiat yang kedua pula ialah:

“Hai segala kamu yang di dalam ghurab ini siapa kamu mau bersama-sama dengan aku di sinilah kamu, dan siapa kamu mau kembali turunlah kamu kepada perahu lain, karna maksudku kepada Tun Abdul Jalil yang ku berahkan itu dalam laut ini aku pun di sinilah akan tempatku.”

(HRP: 60)

Wasiat di atas bermaksud setiap pemimpin mestilah tidak bertindak melakukan anjaya terhadap rakyatnya dengan melakukan amalan yang membebankan mereka sebaliknya hendaklah sentiasa melakukan kebaikan terhadap rakyatnya dengan cara mempermudahkan segala urusan mereka.

Secara kesimpulannya, dapatlah dinyatakan bahawa sikap Tuan Puteri Gemerencang ini merupakan satu sifat yang patut dipandang mulia apabila menyatakan keikhlasan seorang anak terhadap kedua-dua orang tuanya serta menyerahkan sepenuhnya kuasa memilih haluan kehidupan seterusnya kepada rakyat jelata. Hal inilah sepatutnya menjadi pegangan kepada setiap pemerintah di dunia hari ini. Jika semua pemerintah di dunia hari ini menjadikan amalan ini sebagai pakaian akhlak mereka maka pasti terjelmalah kedamaian dan kesejahteraan dalam dunia sejagat. Tiada lagi persengketaan, pencerobohan dan pertumpahan darah. Alam ini akan menjadi aman dan damai sepenuhnya.

#### MANFAAT MELAKSANAKAN WASIAH

Penulis akan mengemukakan tiga orang sultan kerajaan Samudera Pasai yang mendapat kebaikan daripada ketaatan mereka melaksanakan wasiat. Ketiga-tiga sultan tersebut ialah Sultan Malikul Saleh, Sultan Malikul Mahmud dan Sultan Malikul Mansur. Malah penulis juga akan menyentuh tentang kehebatan Tun Beraim Bapa pahlawan Pasai yang hebat dan perkasa.

#### SULTAN MALIKUL SALEH

Baginda memerintah berpandukan pesanan daripada Rasulullah SAW walaupun wasiat tersebut disampaikan melalui mimpi. Pemerintahan baginda mendapat barakah daripada Allah SWT yang menyebabkan negara Samudera menjadi makmur dan gah di Nusantara. Buktinya berdasarkan petikan di bawah:

“Setelah berapa lamanya Syeikh Ismail di Samudera Darul salam, maka ia pun berdatang sembah kepada Sultan Malikul Saleh mohon kembali, maka sultan pun menghimpunkan fidyah akan Khalifah Syarif seperti ambar dan kapur barus dan gaharu cendana dan kemenyan dan khelembak dan cengkih pala, sekalian itu ada kira-kira seratus bahara, maka sekaliannya itu dipersembahkan kepada Syeikh Ismail,”

(HRP: 17)

Baginda juga merupakan lelaki yang soleh maka sebab itulah baginda mendapat isteri yang solehah seperti dalam petikan di bawah:

“Maka tatkala dilihat orang banyak akan tuan puteri yang tiga bersaudara itu, maka segala manusia pun lekatlah hatinya kepada Tuan Puteri Ganggang itu, oleh karna baik parasnya dan amat manis barang lakunya pada segala manusya...Maka dititahkan sultan pergi mengambil Tuan Puteri Ganggang itu...maka baginda pun kahwinlah dengan Tuan Puteri Ganggang itu.”

(HRP: 19-21)

Baginda juga merupakan seorang sultan yang kaya raya. Kenyataan berdasarkan petikan di bawah:

“Setelah sudah kahwin, maka baginda pun memberi anugerah persalinan akan segala hulubalang dan memberi derma akan segala fakir dan miskin dalam negeri itu daripada emas dan perak, dan akan Tun Pepatih Pandak pun dianugerahi daripada beberapa pakaian yang indah-indah dan segala orang yang datang sertanya sekalian itu pun dianugerahi baginda daripada emas dan perak.”

(HRP: 21)

Baginda sultan amat menitikberatkan ajaran Islam dalam kehidupannya. Hal ini dapatlah diperhatikan dalam petikan berikut:

“Maka dititahkan baginda orang memalu genderang dan segala bunyi-bunyian berjaga-jaga seperti adat segala raja-raja beranak. Setelah genaplah tujuh hari tujuh malam baginda berjaga-jaga bersuka-sukaan makan minum masing-masing membawa kesukaannya, maka pada hari berjejak tanah dan beraqiqah maka segala rakyat dan menteri hulubalang pun berhimpunlah makan minum. Setelah sudah, maka baginda memberi derma kurnia akan segala menteri dan hulubalang dan rakyat besar kecil dan segala faqir miskin sekaliannya.”

(HRP: 22)

#### SULTAN MALIKUL MANSUR

Baginda memerintah berpandukan pesanan daripada nendanya, iaitu Sultan Malikul Saleh. Pemerintahan baginda mendapat barakah daripada Allah SWT yang menyebabkan negara Samudera menjadi makmur dan aman damai di Nusantara. Bukti berdasarkan petikan di bawah:

“... dan Sultan Malikul Mansur itulah kerajaan samudera itu. Maka negeri yang kedua itu pun terlalu ramai dan makmur segala rakyat dalam negeri itu dan beberapa daripada gajah dan kuda jenuhlah makanannya dan beberapa daripada rezeki yang lain tiada terhisabkan pada zaman baginda berdua bersaudara itu.”

(HRP: 26)

Baginda memerintah berpandukan pesanan daripada nendanya, iaitu Sultan Malikul Saleh. Kerajaan Sultan Malikul Mansur menjadi sebuah negara yang aman damai di Nusantara. Bukti berdasarkan petikan di bawah:

“Maka sultan Malikul Mansur pun hendak pergi beramai-ramaian akan berjamu-jamuan dengan segala menteri hulubalangnya dan segala rakyat makan minum bersuka-sukaan. Maka sultan Malikul Mansur menyuruhkan orang ber lengkap akan mengiringkan sultan itu.”

(HRP: 28)

#### SULTAN MALIKUL MAHMUD

Baginda memerintah berpandukan pesanan daripada nendanya, iaitu Sultan Malikul Saleh. Pemerintahan baginda mendapat barakah daripada Allah SWT yang menyebabkan negara Samudera menjadi makmur, aman damai dan gah di Nusantara sehingga berjaya mengalahkan kerajaan Siam. Bukti berdasarkan petikan di bawah:

“Setelah itu, maka Sultan Malikul Mahmud itulah kerajaan di Pasai dan ... Maka negeri yang kedua itu pun terlalu ramai dan makmur segala rakyat dalam negeri itu dan beberapa daripada gajah dan kuda jenuhlah makanannya dan beberapa daripada rezeki yang lain tiada terhisabkan pada zaman baginda berdua bersaudara itu.”

(HRP: 26)

Pesanan daripada nendanya, iaitu Sultan Malikul Saleh menjadi panduan kepada Sultan Malikul Mahmud dalam mentadbir negara sehingga kerajaan baginda menjadi sebuah negara yang aman damai di Nusantara. Bukti berdasarkan petikan di bawah:

“Maka pada ketika yang baik Sultan Malikul Mahmud pun berangkatlah dengan segala hulubalang dengan segala tenteranya. Maka lalu baginda berjalan kepada segala negeri dan dusun bermain-main berjamu-jamuan, dengan segala menteri hulubalang makan minum bersuka-sukaan.”

(HRP: 28)

Kerajaan Sultan Malikul Mahmud menjadi sebuah negara yang gah di Nusantara kerana baginda memerintah berpandukan pesanan daripada nendanya, iaitu Sultan Malikul Saleh. Bukti berdasarkan petikan di bawah:

“Bermula panglimanya yang bernama Talak Sejang kena panah dadanya terus ke belakangnya lalu matilah ia. Maka sorak orang Pasai pun gemuruh seperti tagar, kemudian dari itu, maka patahlah perang rakyat siam itu lalu lari membuang belakang cerai-berai tiada berketauan, yang lari ke darat habis dibunuh

orang Pasai dan yang lepas ke laut itu lalu naik ke perahunya lalu ia belayar menuju negeri Siam.”

(HRP: 28)

### TUN BERAIM BAPA

Baginda memerintah berpandukan pesanan daripada nendanya, iaitu Sultan Malikul Mahmud. Pemerintahan baginda mendapat barakah daripada Allah SWT yang menyebabkan negara Tukas menjadi makmur, aman damai manakala Kerajaan Samudera Pasai menjadi gah di Nusantara sehingga berjaya mengalahkan kerajaan Keling ketika baginda menjadi panglima perang kerana gagah perkasanya. Buktinya berdasarkan petikan di bawah:

“Alkisah, maka tersebutlah perkataan Tun Beraim Bapa diceriterakan oleh orang yang empunya ceritera, adapun akan Tun Beraim Bapa terlalu amat perkasanya lagi pahlawan, tiada berbagai pada zaman itu; tujuh hasta tingginya dan dua hasta bidang dadanya, maka jikalau tujuh depa tebal kota tanah dilontarnya dengan barang kelambir luluh lantak. Maka masyhurlah wartanya ke benua Keling.”

(HRP: 36)

“...Maka dihunjamkannya sepohon pinang, maka lalu dipancungnya oleh Tun Beraim Bapa dari atas pucuknya lalu ke bawah tiada rebah. Maka tatkala dititiup angin, maka rebahlah pohon pinang itu penggal empat... Setelah dilihat oleh segala pendekar Keling perkasanya Tun Beraim Bapa itu semuanya amat dahsyat dan hairan dengan gementar dagunya seperti hayam takutkan helang, demikianlah lakunya. Maka segala pendekar Keling itu berkata sesama sendiri: “seumur kita ini belum pai ada kita melihat sikap manusia seperti kelakuan Tun Beraim Bapa: Jangankan kita melawan dia, memandang matanya pun takut rasanya.”

(HRP: 43)

Akhirnya kembalilah pahlawan Keling ke negara mereka dengan perasaan penuh malu kerana tidak mampu untuk melawan kehebatan Tun Beraim Bapa bersama-sama dengan para guru dan sahabat-sahabatnya. Hal ini dapat diperhatikan dalam petikan di bawah:

“Maka sabda sultan, “Hai segala kamu pendekar Keling, lawanlah oleh kamu hulubalangku ini dan pendekarku ini.” Maka segala pendekar Keling itu pun berdiam dirinya, lalulah ia kembali ke kapalnya dengan malunya menutup kepalanya lalulah ia berlayar. Maka sultan pun bersabda kepada Tun Beraim Bapa, “Hai nyawa bapa dan cahaya mata bapa. Bawalah olehmu orang di hulu sungai itu sertamu”

(HRP: 45)

Tun Beraim Bapa merupakan seorang anak yang taat kepada bapanya. Walaupun baginda tahu bahawa ayandanya Sultan Ahmad ingin membunuhnya kerana semata-mata dendam ke atasnya. Hal ini kerana baginda melarikan adik-adiknya, iaitu Tun Medam Peria dan Tun Takiah Dara ke Tukas untuk menyelamatkan adik-adiknya daripada kezaliman Sultan Ahmad. Ketaatan baginda dapat dilihat dalam petikan di bawah:

“Maka sabda Tun Beraim Bapa, “ayuh segala handal taulanku, diamlah kamu sekalian, karna hamba tiada mau derhaka, jika hamba mau derhaka, jika Pasai se-Pasainya, jika Siam se-Siamnya, jika Cina se-Cinanya, jika Jawa se-Jawanya, jika Keling se-Kelingnya tiada dapat melawan aku.”

(HRP: 50)

Dapatlah kita simpulkan bahawa setiap raja yang mentaati wasiat pasti negaranya menjadi makmur dan aman damai serta mampu mengekalkan kelangsungan pemerintahannya.

### AKIBAT KEDERHAKAAN TERHADAP WASIAT

Sultan Ahmad merupakan anakanda Sultan Malikul Mahmud yang mewarisi kerajaan Pasai yang hebat sehingga mampu mengalahkan kerajaan Keling tetapi akhirnya baginda berlaku zalim kepada anak-anaknya dan rakyatnya. Kezaliman baginda seperti dalam petikan berikut:

“... Hatta maka berapa lamanya baginda dalam kerajaan, maka dianugerahkan Allah Subhanahu wa Taala akan sultan 30 orang anaknya, dalam pada itu yang seibu sebapa 5 orang, 3 orang laki-laki, yang pertama namanya Tun Beraim Bapa, kedua bernama Tun Abdul Jalil, ketiga bernama Tun Abul Fadil, dan dua orang perempuan, seorang bernama Tun Medan Peria dan seorang bernama Tun Takiah Dara.”

(HRP: 35)

Baginda ingin memperisterikan anak daranya, iaitu Tun Medan Peria dan Tun Takiah Dara maka dibawa lari ke Tukas oleh Tun Beraim Bapa seperti dalam petikan berikut:

“Adapun anak Sultan Ahmad Perumudal Perumal yang bernama Tun Medan Peria dan Tun Takiah Dara: akan sultan itu terlalu ia berahi akan anaknya... Maka disuruhnya oleh Tun Beraim Bapa kedua saudaranya memakai lalu dibawanya ke Tukas. Maka Seri Sultan pun marah berdendamkan Tun Beraim Bapa, sebab membawa kedua saudaranya ke Tukas itu.”

(HRP: 36-37)

Seterusnya baginda Sultan Ahmad merancang untuk membunuh Tun Beraim Bapa seperti dalam petikan berikut:

“Maka Tun Beraim Bapa pun fikir dalam hatinya, “ Jikalau ku makan makanan nescaya matilah aku, jikalau tiada ku makan nescaya derhaka lah aku, tetapi baiklah aku mati daripada nama derhaka.”... Dilihat oleh Tun Medan Peria... Maka diperebutnya dari tangan saudaranya lalu dimakannya, maka ia pun lalu matilah... Maka diperebutnya oleh saudaranya yang bernama Tun Takiah Dara lalu dimakannya, maka ia pun lalu mati... Maka lembing itu pun jatuhlah ke Bukit Fudul Allah. Maka seketika lagi Tun Beraim Bapa pun kembalilah ke rahmatullah Taala.”

(*HRP*: 53-56)

Sultan Ahmad juga membunuh anaknya Tun Abdul Jalil kerana tergilakan tunang anaknya, iaitu Tuan Puteri Gemerencang, anak Ratu Majapahit. Perbuatan zalimnya ini jelas seperti dalam petikan berikut:

“Adapun khabar dalam negeri ini badak makan anaknya... Adapun ertinya Paduka Sultan yang dalam negeri Pasai ini membunuh anaknya dua orang, seorang bernama Tun Beraim Bapa, dari kerna sultan itu berahi akan anaknya seorang bernama Tun Medan Peria dan seorang bernama Tun Takiah Dara, dan anaknya Tun Abdul Jalil pun dibunuhnya dibuangkannya dalam laut Jambu Air ini sebab ia menengar khabar Tuan Puteri Gemerencang datang dari Benua Jawa terlalu amat ia berahi akan Tun Abdul Jalil itu, dan mayat Tun Abdul Jalil pun disuruhnya buangkan dalam laut Jambu Air ini; itulah erti kata kami badak makan anaknya.”

(*HRP*: 60)

Akibat daripada kezalimannya itu negaranya jatuh kepada Majapahit. Inilah bencana akibat daripada ketidaktaatan mentaati wasiat seperti yang dilakukan oleh Sultan Ahmad. Kejatuhan kerajaan Pasai kepada kerajaan Majapahit digambarkan dalam petikan berikut:

“Maka diceriterakan oleh orang yang empunya ceritera: Maka tatkala sampailah perang itu kepada tiga hari tiga malam rakyat Pasai pun pecahlah perangnya, sekalian mereka itu lari cerai-berai tiada berketauhan lagi perginya. Maka sekalian lasykar Majapahit pun masuklah ia ke dalam Kota Pasai lalu ke dalam istananya Sultan Ahmad itu. Maka terlalulah banyak mereka itu beroleh rampasan dan tawanan, tiada terkira-kira lagi banyaknya.”

(*HRP*: 63)

## KESIMPULAN

Setiap wasiat yang terdapat dalam *HRP* ini jika diikuti oleh setiap para pengganti pasti negara yang

diperintohnya menjadi makmur tetapi jika diingkari maka kejadian sebaliknya akan berlaku, iaitu negara tersebut akan mengalami kejatuhan. Hasil dapatan tentang wasiat yang terdapat dalam *HRP* ini jelas menunjukkan kepada kita bahawa sikap para raja yang memerintah dapat dikaitkan dengan wasiat melalui watak-watak yang terdapat dalam *HRP*. Watak-watak ini dikaitkan dengan konsep ketaatan, kesetiaan dan penderhakaan yang dipikul oleh rakyat sebagai satu tanggungjawab yang khusus. Tanggungjawab rakyat kepada para raja dengan menghalang berlakunya penderhakaan manakala tanggungjawab para raja ialah memerintah dengan penuh keadilan berpandukan wasiat para raja terdahulu. Hasil dapatan juga dapat mengaitkan hubungan wasiat dengan implikasi pelanggaran wasiat yang terbahagi kepada dua, iaitu secara dalaman dan luaran. Hasil dapatan juga dapat dihubungkaitkan antara falsafah taubat para raja dan pembesar dalam *HRP* dengan kejatuhan kerajaan Pasai kepada Majapahit. Falsafah taubat diperjelaskan melalui peristiwa pembunuhan Sayid Semayamuddin dan kemangkatan Sultan Mansur yang akhirnya Sultan Malikul Mahmud menyesal atas kesalahan yang telah baginda lakukan. Kesannya ialah anakanda baginda, iaitu Sultan Ahmad juga melakukan kezaliman yang lebih hebat daripada ayahandanya. Kezaliman yang dilakukan oleh baginda terlalu besar, iaitu ingin mengahwini anakandanya iaitu Tun Medan Peria dan Tun Takiah Dara, membunuh anakandanya Tun Beraim Bapa, Tun Abdul Jalil. *HRP* juga menceritakan kezaliman yang dilakukan oleh Sultan Ahmad hingga baginda terlupa kepada wasiat yang baginda mesti ikuti itu. Akhirnya berlakulah peristiwa kejatuhan kerajaan Pasai ke tangan Majapahit bukanlah kerana kelemahannya tetapi sebagai satu bentuk bala kerana keingkaran rajanya mematuhi wasiat yang menyebabkan Pasai kehilangan kepentingan peranannya sebagai sebuah pusat tamadun Melayu Islam.

## RUJUKAN

- Ali Ahmad. 1987. *Karya-Karya Sastera Bercorak Sejarah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.  
 Harun Mat Piah, Ismail Hamid, Siti Hawa Salleh, Abu Hassan Sham, Abdul Rahman Kaeh dan Jamilah Haji Ahmad. 2006. *Kesusasteraan Melayu Tradisional* (Edisi ketiga). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.  
 Hashim Awang, Othman Puteh, Ramli Isin dan Sahlan Mohd. Saman. 1985. *Mendekati Kesusasteraan Melayu*. Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn. Bhd.

- Hill, A. H. 1960. *Hikayat Raja-Raja Pasai*. *JMBRAS*, xxxiii: ii, hal. 63.
- Ismail Hamid. 1987. *Perkembangan Kesusastraan Melayu Lama*. Petaling Jaya: Longman Malaysia Sdn. Bhd.
- Ismail Hamid. 1988. *Masyarakat dan Budaya Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jamsari Mokhtar. 1998. *Hikayat Raja Pasai: Pemikiran Tamadun Melayu*. Kajian Ilmiah M. A. Fakulti Sastera Dan Sains Sosial, Universiti Malaya.
- Kamarudin Hj. Husin. 1992. *STPM Analisis Teks Sejarah Melayu*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Liaw Yock Fang. 1978. *Sejarah Kesusastraan Melayu Klasik*. Singapura: Pustaka Nasional.
- Nawawee Mohammad. 1993. *Kajian Karya Agung STPM Sejarah Melayu*. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.
- Russell Jones. 1987. *Hikayat Raja Pasai*. Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Russell Jones. 1999. *Hikayat Raja Pasai*. Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan & Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Zulkifli Mohamad al-Bakri. 2014. *24 Jam Dipayungi Syariat*. Batu Caves: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Abdul Rahman bin Idris  
Calon Pelajar Ph.D Kesusastraan Melayu  
Jabatan Bahasa Melayu  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
43400, Serdang  
Selangor D.E.  
E-mel: abdulrahmanpahang@gmail.com

Salmah Jan Noor Muhammad  
Jabatan Bahasa Melayu  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
43400, Serdang  
Selangor D.E.  
E-mel: salmahjan@upm.edu.my

Zariat bin Abdul Rani  
Jabatan Bahasa Melayu  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
43400, Serdang  
Selangor D.E.  
E-mel: zariat@Upm.edu.my

Nik Rafidah binti Nik Muhamad Affendi  
Jabatan Bahasa Melayu  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
43400, Serdang  
Selangor D.E.  
E-mel: nikrafidah@gmail.com

Diserahkan: 07 September 2018  
Diterima: 18 Februari 2019

